



Rujukan Kami : ANM.JB(D)10/09 (36)

Tarikh : 19 Jun 2022

## **KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) NEGERI JOHOR**

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **SEMAKAN STATUS AKAUN PUKAL BAGI AGENSI-AGENSI PUKAL UTILITI (TNB, SAJ, IWK, TM) MELALUI SISTEM BAYARAN PUKAL**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa bagi memastikan ketepatan pembayaran ke atas bil-bil utiliti yang diproses pembayaran secara pukal, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu membuat semakan status bagi ke semua akaun pukal utiliti Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air Johor, Indah Water Konsortium dan Telekom Malaysia. Semakan status akaun pukal adalah seperti berikut:

- 2.1 Akaun pukal masih aktif dan digunakan serta dibayar**
- 2.2 Akaun pukal masih aktif tetapi tidak digunakan dan masih dibayar**
- 2.3 Akaun pukal tidak aktif dan masih dibayar**
- 2.4 Akaun pukal tidak aktif dan tidak ditamatkan**

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu menjana Laporan Akaun Pukal Yang Dipertanggungjawabkan di Laporan Portal iGFMAS untuk tujuan pemantauan dan semakan data akaun pukal tersebut. Sekiranya terdapat akaun pukal yang tidak aktif, tindakan proses batal di Borang Akaun Pukal perlu dilakukan melalui sistem portal iGFMAS. Bagi sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh berhubung dengan pegawai seperti berikut:

- i. Akaun Pukal TNB – En. Abdul Raizol bin Abdul Rahman samb: 1059
- ii. Akaun Pukal SAJ – Pn. Noorazizah binti Ishak samb: 1050
- iii. Akaun Pukal IWK – Pn. Nooremaiya binti Moin samb: 1058
- iv. Akaun Pukal TM – Pn. Raja Maslina binti Raja Samri samb: 1155

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengambil tindakan segera terhadap perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Johor